

Persepsi Murid Ketidakupayaan Pendengaran Terhadap Kuiz Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Semasa Pelaksanaan PdPR

(Perception of Hearing-Impaired Students Towards Quizzes in English Language Subject During PdPR)

Vanitha Subramaniam^{1*}, Norshidah Mohd Salleh¹

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: vanithasubramaniam220@gmail.com

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.40>

Abstrak: Penguasaan murid-murid ketidakupayaan pendengaran dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap yang rendah. Susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka berubah kepada pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR). Salah satu kaedah yang digunakan semasa PdPR adalah mengintegrasikan kuiz dalam pembelajaran. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap persepsi murid ketidakupayaan pendengaran terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR. Kajian ini merupakan kajian deskriptif. Seramai 144 orang murid ketidakupayaan pendengaran yang mengalami tahap kepekakan ringan dan sederhana dan menggunakan alat bantu dengar telah dilibatkan dalam kajian ini. Sampel kajian dalam kajian ini terdiri dari murid-murid SKPK di lima buah negeri. Teori tingkah laku Thorndike diterapkan dalam kajian ini. Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang soal-selidik. Data-data kajian dianalisis menggunakan kekerapan, nilai peratus dan sisihan piawai menerusi perisian SPSS versi 20. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi murid ketidakupayaan pendengaran terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa PdPR berada tahap sederhana tinggi. Kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan murid ketidakupayaan pendengaran yang menggunakan implan koklea.

Kata kunci: murid ketidakupayaan pendengaran, kuiz, Bahasa Inggeris, PdPR

Abstract: Hearing impaired students show a lower level of mastery in English Language. Due to the enforcement of the movement control order (MCO), teaching and learning in schools changed to teaching and learning from home. Quizzes were used in the teaching and learning process. The main objective of this research is to identify hearing impaired students' perception level towards quizzes in English Language subject during teaching and learning from home. This is descriptive research whereas total 144 hearing impaired pupils who had mild and severe hearing impairment and using hearing aid devices were involved in this research. The research respondents were chosen from SKPK in five states. Thorndike's theory of behavior was used in this research. A survey form was distributed among the respondents to collect the data. SPSS version 20 was used to analyze the data. The data of the research were presented using frequency, percentage, mean and standard deviation. The data shows the hearing-impaired students' perception was at moderate level. The further research was suggested to involve hearing-impaired students who had cochlear implant as respondents.

Keywords: hearing impaired pupils, English Language, teaching and learning from home, quizzes

1. Pengenalan

Perubahan yang berlaku akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberikan impak negatif kepada amalan pendidikan. Semua sektor pendidikan telah ditutup semasa PKP (Othman, Kadar, Umar & Ahmad 2020). Semasa pandemik covid-19, pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah berubah daripada pembelajaran bersemuka kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Menurut manual PdPR yang dikeluarkan oleh pihak KPM, PdPR ini boleh dilaksanakan secara dalam talian, luar talian atau *off-site*. Guru boleh menggabungkan kaedah yang sesuai dengan pihak dalam pelaksanaan PdPR.

Guru harus mempelbagaikan kaedah penyampaian PdP yang sesuai dengan murid dan sumber (Halimah, Lustyantic & Ibrahim 2018). Penggunaan hanya buku teks atau buku aktiviti semasa PdP tidak lagi mencukupi bagi guru menyampaikan isi kandungan pelajaran. Salah satu kaedahnya ialah penggunaan kuiz. Kuiz meningkatkan penglibatan murid dalam sesi PdP dan membantu guru menilai tahap penguasaan murid. Kuiz juga boleh memberikan semangat kepada murid-murid untuk belajar secara aktif semasa sesi PdP (Fatimah & Santiana 2017). Penggunaan kuiz semasa PdPR ini boleh memberikan semangat kepada murid-murid untuk terus belajar dengan aktif walaupun suasana dan norma yang baharu. Semasa pelaksanaan PdPR, kuiz amat disarankan untuk digunakan sebagai salah satu kaedah bagi mendidik murid ketidakupayaan pendengaran (MKP). Hal ini kerana dalam kuiz guru boleh mengintegrasikan gambar, isyarat dan lain-lain animasi bagi membolehkan MKP senang memahami pembelajarannya. Oleh itu, kuiz kerap digunakan dalam PdPR MKP.

Pencapaian Bahasa Inggeris MKP berada pada tahap yang lebih rendah berbanding dengan kanak-kanak tipikal yang sebaya (Hrastinski & Wilbur 2016). Dalam kajian tersebut dinyatakan tahap literasi MKP sekolah menengah dalam Bahasa Inggeris berada pada sama dengan tahap literasi murid-murid tipikal di darjah empat. Ini mengakibatkan mereka tidak dapat mencapai perkembangan Bahasa Inggeris yang sepatutnya dengan umur kronologi mereka. Ketidakupayaan murid-murid dalam pendengaran mengakibatkan mereka tidak dapat memproses maklumat linguistik melalui pendengaran mereka. Ini berkait rapat dengan tahap pencapaian akademik mereka (Brinci & Saricoban 2021). Apabila MKP ini bergantung kepada bahasa isyarat, pemerolehan bahasa mereka amat rendah. Hal ini kerana pembelajaran sesuatu bahasa adalah terhad kerana bukan setiap perkataan mempunyai isyarat. Oleh demikian itu, MKP tidak dapat mengembangkan bahasa mereka terutamanya dalam Bahasa Inggeris. Akibat ini MKP mengalami masalah komunikasi secara lisan, bacaan dan penulisan.

PdP yang dijalankan sepenuhnya dalam talian semasa PdPR menjadi cabaran kepada MKP di mana mereka tidak pandai dalam menggunakan alatan teknologi seperti telefon pintar bagi tujuan pendidikan dan mengakibatkan emosi mereka (Isai Amuthan et al. 2020). Ini mengakibatkan semasa pelaksanaan PdPR murid-murid kurang berminat dalam pembelajaran (Siti Aisyah Ibrahim 2021). Pengintegrasian kuiz boleh meningkatkan minat dan motivasi murid dari luar (Karmilah Rafiqah M. Rafiq et al. 2020).

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi mengetahui persepsi MKP terhadap kuiz dalam Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR. Persepsi MKP dikaji dari aspek minat, motivasi

dan pencapaian. Di samping itu, kajian ini dapat merapatkan jurang yang terdapat dalam kekurangan kajian mengenai pencapaian Bahasa Inggeris MKP.

Objektif kajian

- 1) Mengenalpasti persepsi MKP terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR

2. Sorotan Literatur

2.1 Pencapaian MKP dalam Bahasa Inggeris

Tahap Bahasa Inggeris MKP berada pada tahap yang rendah berbanding dengan murid-murid tipikal (Harris & Kyle 2017). Daripada kajian ini didapati penguasaan kosa kata MKP telah meningkat namun peningkatan dalam kemahiran fonologi dan bacaan tiada apa-apa perubahan. Kajian Abdul Rahim Razalli et. al (2018) tentang penggunaan gambar dengan teks bagi meningkatkan bacaan petikan dalam kalangan MKP sekolah rendah menunjukkan murid-murid ini boleh meningkatkan tahap pembacaannya dengan baik. Penggunaan gambar beserta isyarat harus digunakan dalam strategi pembelajaran MKP supaya mereka dapat memahami teks tersebut dengan mudah dan baik. Kajian kompetensi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kolej yang mengalami ketidakupayaan pendengaran di negara Philippines oleh Mary dan Cabrerros (2020) menunjukkan pelajar ini tidak mencapai tahap Bahasa Inggeris yang sepatutnya dicapai oleh pelajar kolej. Mereka mencapai skor yang rendah dalam penguasaan kosa kata, pemahaman dan pembinaan inferensi yang menerangkan limitasi. Kajian Al Zaylai (2019) menerangkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di Saudi Arabia bagi MKP dapat ditingkatkan dengan penggunaan teknologi moden. Pembelajaran atas talian dan video bahasa isyarat dengan teks digunakan bagi mengajar murid-murid di negara tersebut dan ia memotivasikan murid-murid terus belajar Bahasa Inggeris dengan aktif.

2.2 Kuiz dalam PdP

Kajian yang dijalankan oleh Oktaria, Laksmi Rohamayadevi dan Didik Murwantoo (2021) menyatakan kuiz dapat meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah. Pencapaian pelajar dalam Bahasa Inggeris khasnya penguasaan kosa kata dapat ditingkatkan selepas menggunakan kuiz Kahoot! dalam PdP mereka. Rafidah Abdul Karim et.al (2018) menyatakan bagi mengatasi masalah penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris kuiz boleh diadakan sebagai salah satu pendekatan. Kuiz yang diadaptasi permainan UNO digunakan dalam kajian menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata murid. Kajian menggunakan kuiz Kahoot! membawa interaksi yang menarik dalam bilik darjah (Susi Susanti 2017). Penggunaan Kahoot! dalam PdP membantu murid-murid untuk berseronok sambil belajar dan memberikan pengalaman yang baru daripada menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Kajian Nuci et. al (2021) menggunakan kuiz bagi meningkatkan penyertaan dan motivasi pelajar universiti semasa Covid-19. Kuiz Kahoot! dan Kuiz *Google Form* meningkatkan penyertaan dan motivasi pelajar dan jurang pencapaian dalam akademik meningkat kepada 73% daripada 57.5% sebelum menggunakan kuiz.

2.3 Teori Tingkah Laku Thorndike

Fauziati (2016) menyatakan teori tingkah laku Thorndike amat membantu dalam mempelajari bahasa kedua. Teori tingkah laku Thorndike menekankan perubahan tingkah laku akibat rangsangan yang diterima. Menurut oleh Mohd Shakir Azfar Abdul Halim, Harwati Hashim dan Melor Md Yunus, tingkah laku yang dilakukan dengan cara berpuas hati akan diulang pada masa akan datang. Kesan yang diberi dalam kuiz akan meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar dan meningkatkan pencapaian akademik murid. Perkara ini disetujui dengan

kajian Erkkila (2017) di mana rangsangan yang diberi dalam kuiz akan membuatkan murid terus belajar.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul data. Kajian in berbentuk deskriptif. Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian tinjauan adalah kaedah yang terbaik di mana pengkaji ingin menerangkan suatu fenomena tentang persepsi MKP terhadap kuiz.

Populasi dan sampel kajian

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada MKP dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) (sekolah rendah) yang mempunyai tahap kepekakan ringan dan teruk dan menggunakan alat bantu dengar. Data yang diperoleh daripada Bahagian Pendidikan Khas, menunjukkan terdapat seramai 237 orang MKP di SKPK di seluruh negara. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) sampel seramai 144 orang adalah memadai bagi kajian ini bagi mewakili keseluruhan populasi. Sampel-sampel kajian dipilih dari 5 buah negeri seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Senarai Nama Sekolah dan Saiz Sampel

| Bil | Nama Negeri | Saiz Sampel |
|-----|---------------------------------|-------------|
| 1 | Johor | 40 |
| 2 | Melaka | 15 |
| 3 | Negeri Sembilan | 17 |
| 4 | Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur | 36 |
| 5 | Sarawak | 36 |
| | Jumlah | 144 |

Seterusnya, kaedah sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak berstrata. Sampel dipilih secara rawak mudah daripada setiap strata yang telah dikenalpasti.

Pengumpulan data

Data bagi kajian ini dikumpul menggunakan borang soal selidik (*Google Forms*). Instrumen kajian menggunakan soal selidik berskala lima likert yang diubahsuai dan diadaptasi daripada gabungan kajian-kajian lepas. Soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina dan tahap kepekakan. Bahagian B mempunyai 8 item. 8 item dalam bahagian ini merupakan soalan tertutup dan sampel kajian menjawab item-item menggunakan skala Likert 5. Skala Likert lima adalah 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju dan 4- setuju dan 5- sangat setuju. Semua item dalam Bahagian B telah dialih bahasa daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Penggunaan laras bahasa yang sesuai serta struktur bahasa yang betul telah disemak dan disahkan oleh 2 orang pakar bidang dan 2 orang pakar bahasa. Selain itu, bagi menguji tahap kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis dijalankan di salah sebuah SKPK di negeri Pulau Pinang. Bilangan responden kajian rintis adalah 30 orang MKP. Nilai alpha Cronbach 0.891 telah diperolehi hasil daripada kajian rintis. Creswell (2014) menyatakan nilai kebolehpercayaan melebihi 0.6 adalah diterima. Jadual di bawah menunjukkan nilai alpha Cronbach bagi kajian rintis.

Jadual 2: Nilai Alpha Cronbach

| <i>Cronbach's Alpha</i> | <i>Cronbach's Alpha Based on Standardized items</i> | <i>N of items</i> |
|-------------------------|---|-------------------|
| 0.991 | 0.891 | 8 |

Analisis Data

Dapatan daripada soal selidik yang dijalankan ke atas 144 orang sampel dianalisis berdasarkan skor min bagi setiap item. Skor min bagi setiap skor kemudiannya dibahagikan kepada empat tahap iaitu tahap rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Pembahagian skor mengikut tahap persepsi terhadap kuiz yang rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi adalah seperti Jadual 1 berikut. Skor min yang diinterpretasikan berdasarkan Likert skala lima mata yang diadaptasi daripada Sapie Sabilan, Harzita Ismail dan Suhana Mohamed Lip et. al (2017). Dapatan dalam kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 20.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min Skala Likert Lima Mata

| Skor Min | Interpretasi Min |
|------------------|------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |

4. Dapatan Kajian

Jadual 4: Dapatan Kajian

| Item | Skala likert | | | | | Min | Sisihan piawai (SP) | Tafsiran |
|--|--------------|-------------|-------------|---------------|---------------|------|---------------------|----------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | | |
| 1. Saya belajar isi kandungan pembelajaran Bahasa Inggeris secara bermain melalui kuiz semasa PdPR | 2 (1.4%) | 7 (4.9%) | 5 (3.5%) | 81 (56.3%) | 49 (34.0%) | 4.17 | 0.82 | Tinggi |
| 2. Kuiz menggalakkan penglibatan saya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris semasa PdPR | 1 (0.7%) | 2 (6.3%) | 6 (4.2%) | 79 (54.9%) | 49 (34.0%) | 4.15 | 0.82 | Tinggi |
| 3. sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris menjadi lebih seronok dengan | 1 (0.7%) | 9 (6.3%) | 6 (4.2%) | 75 (52.1%) | 53 (36.8%) | 4.18 | 0.83 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|---|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------|------|------------------|
| adanya kuiz semasa PdPR | | | | | | | | |
| 4. Kuiz memudahkan saya memahami isi kandungan pembelajaran Bahasa Inggeris lebih senang semasa PdPR | 9 (6.3%) | 64 (44.4%) | 22 (15.3%) | 25 (17.4%) | 24 (16.7%) | 2.94 | 1.24 | Sederhana Rendah |
| 5. Kuiz menerangkan pilihan salah selepas setiap item | 15 (10.4%) | 55 (38.2%) | 27 (18.8%) | 23 (16.0%) | 24 (16.7%) | 2.90 | 1.28 | Sederhana Rendah |
| 6. Saya suka bersaing dengan pemain lain dalam kuiz semasa PdPR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris | 2 (1.4%) | 8 (5.6%) | 5 (3.5%) | 64 (44.4%) | 65 (45.1%) | 4.26 | 0.88 | Tinggi |
| 7. Saya tidak bimbang atau stress semasa menjawab item kuiz semasa PdPR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris | 0 (0%) | 12 (8.3%) | 12 (8.3%) | 61 (42.4%) | 59 (41.0%) | 4.16 | 0.90 | Tinggi |
| 8. Kuiz membantu saya untuk membuat penilaian sendiri bagi proses pembelajaran saya semasa PdPR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris | 14 (9.7%) | 52 (36.1%) | 26 (18.1%) | 24 (16.7%) | 28 (19.4%) | 3.0 | 1.31 | Sederhana Tinggi |

Jadual 4 menunjukkan tafsiran item-item bagi objektif iaitu persepsi MKP terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR. Daripada 8 item, 5 item (no 1,2,3,6, dan 7) mempunyai tafsiran tinggi, 2 item (no 4 dan 5) mempunyai tafsiran sederhana rendah dan 1 item (no 8) mempunyai tafsiran sederhana tinggi. Min yang paling tinggi terdapat pada item nombor 6, ‘Saya suka bersaing dengan pemain lain dalam kuiz semasa PdPR bagi mata

pelajaran Bahasa Inggeris’. Manakala item nombor 5 mendapat min yang terendah, ‘Kuiz menerangkan pilihan salah selepas setiap item’.

Item nombor 1, ‘Saya belajar isi kandungan pembelajaran Bahasa Inggeris secara bermain melalui kuiz semasa PdPR’ mendapat min 4.17 (SP = 0.82). Item nombor 2, ‘Kuiz menggalakkan penglibatan saya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris semasa PdPR’ mendapat min 4.15 (SP = 0.82). Item nombor 3 ‘Sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris menjadi lebih seronok dengan adanya kuiz semasa PdPR’ Jadual 4.3: Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Item-item Bahagian B 24 mendapat min sebanyak 4.18 (SP = 0.83). Item nombor 4 ‘Kuiz memudahkan saya memahami isi kandungan pembelajaran Bahasa Inggeris lebih senang semasa PdPR’ mendapat min 2.94 (SP = 1.24). Item nombor 7 ‘Saya tidak bimbang atau stres semasa menjawab item kuiz semasa PdPR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris’ mendapat min 4.16 (SP = 0.90) dan item nombor 8 ‘Kuiz membantu saya untuk membuat penilaian sendiri bagi proses pembelajaran saya semasa PdPR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris’ mendapat min 3.0 (SP = 1.31).

Item nombor satu mendapat peratus yang tertinggi (56.3%) bagi skala Likert 3 ‘Kurang Setuju’ dan peratus yang terendah (1.4%) terdapat pada skala likert 1 ‘Sangat Tidak Setuju’. Item nombor 2 mendapat peratus tertinggi (54.9%) bagi skala Likert 4 ‘Setuju’ dan peratus yang terendah (0.7%) bagi skala Likert 1. Peratus yang tertinggi (52.1%) terdapat pada skala Likert 4 dan peratus terendah (0.7%) pada skala Likert 1 bagi item nombor 3. Item nombor 4 mendapat peratus yang tertinggi (44.4%) pada skala Likert 2 ‘Tidak Setuju’ dan peratus yang terendah (6.9%) bagi skala Likert 1. Item nombor 5 mendapat peratus yang tertinggi (38.2%) bagi skala Likert 2 dan peratus terendah (10.4%) bagi skala Likert 1. Item nombor 6 mendapat peratus yang tertinggi (45.1%) bagi skala Likert 5 ‘Sangat Setuju’ dan peratus terendah (1.4%) bagi skala Likert 2. Item nombor 7 mendapat peratus yang tertinggi (42.4%) bagi skala Likert 4 dan peratus terendah (0%) bagi skala Likert 1. Akhirnya item 8 mendapat peratus tertinggi (36.1%) bagi skala Likert 3 dan peratus terendah (9.7%) bagi skala Likert 1.

Jadual 5: Min Keseluruhan Item

| | N | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|----------|-----|------|----------------|------------------|
| Persepsi | 144 | 3.72 | 0.75 | Sederhana Tinggi |

Jadual 5 menunjukkan min bagi persepsi sampel kajian terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR. Min 3.72 menunjukkan persepsi N Min Sisihan Piawai Persepsi 144 3.7205 .75233 Valid N (listwise) 144 Jadual 4.4: Min Persepsi 25 sampel kajian berada pada tahap sederhana tinggi. Sisihan piawai 0.75 pula menunjukkan serakan data dalam kajian ini tersebar dalam julat yang kecil secara relatif.

5. Perbincangan

Hasil daripada data-data yang dikumpul dapat dirumuskan bahawa MKP mempunyai tahap persepsi yang sederhana tinggi terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR. MKP berpendapat bahawa mereka suka menggunakan kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Elemen persaingan dan kuiz sebagai didik hiburan membuatkan MKP seronok menggunakan kuiz semasa PdPR. Samping itu, MKP menyatakan kuiz menggalakkan penglibatan mereka dalam sesi PdPR. Dapatan ini selari dengan kajian Nuci et. al, (2021) dan Tamarus Rajendran, Nor Azam Naaim & Melor Md Yunus, (2019).

MKP tidak berasa stres atau bimbang semasa menjawab soalan kuiz. Ini boleh dikaitkan yang MKP seronok belajar menggunakan kuiz semasa PdPR semasa mereka berada di rumah. Suasana atau norma baharu tidak mempengaruhi minat dan motivasi MKP untuk terus belajar Bahasa Inggeris walaupun Bahasa Inggeris merupakan bahasa ketiga bagi MKP selepas Bahasa Isyarat dan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan MKP seronok belajar Bahasa Inggeris dan aktif dalam PdPR dengan adanya kuiz. Dapatan kajian Susi Susanti (2017) selari dengan dapatan kajian ini di mana MKP suka belajar menggunakan kuiz dalam suasana baharu.

Namun, lebih daripada separuh MKP menyatakan kuiz tidak memberikan kepada mereka bagi memahami isi kandungan pelajaran semasa pelaksanaan PdPR. MKP walaupun tidak stres, seronok dan bersemangat semasa belajar menggunakan kuiz, mereka berasa kuiz tidak membantu mereka untuk memahami isi kandungan pembelajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, MKP juga tidak setuju yang penerangan pilihan jawapan yang salah dalam kuiz tidak membantu mereka. Kuiz juga tidak membantu MKP untuk membuat penilaian sendiri bagi proses pembelajaran mereka. Kenyataan-kenyataan ini menerangkan bahawa MKP menggunakan kuiz sebagai salah aktiviti keseronokkan sahaja semasa PdPR. MKP tidak belajar daripada kesilapan yang mereka buat semasa menjawab kuiz dan tidak mengambil berat terhadap skor yang mereka perolehi selepas menjawab kuiz.

Keberkesanan kuiz dalam PdPR tidak dapat dicapai oleh MKP untuk jangka masa yang panjang. Pada pandangan MKP kuiz ini hanya untuk aktiviti PdPR sahaja. Mereka 28 berusaha untuk menjawab soalan kuiz supaya mereka boleh bersaing dengan rakan-rakan lain. Intipati atau kandungan kuiz tidak meningkatkan ilmu pengetahuan MKP semasa PdPR. Jika PdPR dilanjutkan lagi, pencapaian MKP dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris boleh merosot. Dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan dapatan kajian Annafi Annada Oktaria, Laksmita Rohmayadevi & Didik Murwantono (2021). Pencapaian MKP tidak meningkat dengan penggunaan kuiz.

Dapat dirumuskan di sini bahawa MKP lebih suka pembelajaran secara bersemuka di mana guru mengajar di hadapan mereka bukan di hadapan komputer atau telefon pintar MKP. Suasana bersemuka memudahkan MKP memahami isi kandungan pembelajaran dengan lebih mudah berbanding dengan suasana PdPR. Hal ini kerana guru dan murid menggunakan komunikasi seluruh semasa pembelajaran bersemuka. Pemahaman MKP akan meningkat apabila guru menggunakan komunikasi seluruh di hadapan mereka. Semasa PdPR, guru dan MKP juga menggunakan komunikasi seluruh namun atas kekangan masalah rangkaian, peranti dan masa pemahaman tidak dapat dicapai secara optimum.

Kuiz masih boleh digunakan dalam PdPR bagi menggalakkan penglibatan MKP, mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok dan suasana bersaing yang sihat tetapi bagi pemahaman dan memantau kemajuan MKP dalam Bahasa Inggeris pembelajaran bersemuka adalah lebih bagus. Semasa pembelajaran bersemuka, objektif pembelajaran boleh dicapai secara optimum di mana MKP memahami isi kandungan pembelajaran dengan lebih baik. MKP mempunyai peluang untuk menanya dan memberikan pendapat mereka dengan senang. Guru pun boleh menerangkan atau menyelesaikan kemusykilan MKP dengan lebih mudah dengan merujuk kepada buku atau menunjukkan gambar dan video.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulan, persepsi MKP terhadap kuiz dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa pelaksanaan PdPR berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan MKP boleh menerima

kuiz sebagai aktiviti pembelajaran semasa pelaksanaan PdPR. Kuiz boleh ditadbir dalam suasana pembelajaran yang berbeza berbanding suasana sebelum ini. MKP harus boleh mengikuti pembelajaran walaupun pengajaran secara bersemuka terbantut. 31 Apabila pembelajaran secara bersemuka terjejas tidak semestinya MKP tidak boleh belajar. PdPR yang diperkenalkan oleh KPM adalah salah satu alternatif yang baik dan disambut dengan baik oleh para guru, ibu bapa dan murid. Penggunaan kuiz sebagai salah satu kaedah pembelajaran semasa norma ini memberikan kesan positif secara keseluruhannya dalam kalangan MKP. Kuiz yang ditadbir semasa PdPR membuatkan pembelajaran MKP tidak terjejas malah diteruskan seperti biasa dan meningkatkan penglibatan MKP dalam proses pembelajaran.

Namun kuiz tidak memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang isi kandungan pembelajaran semasa pelaksanaan PdPR. MKP menyatakan kuiz tidak menerangkan isi kandungan pembelajaran dengan mudah dan tidak menerangkan pilihan jawapan yang salah. Tambahan pula, MKP tidak mahir dalam membanding bezakan skor kuiz sebelum dan semasa bagi membuat penilaian sendiri dalam proses pembelajaran mereka semasa pelaksanaan PdPR. MKP masih memerlukan bimbingan guru sepenuhnya dalam proses pembelajaran mereka. MKP memerlukan guru bagi memberitahu mereka kemajuan mereka dalam pembelajaran.

Teori yang digunakan dalam kajian ini menyokong dapatan kajian bahawa latihan dan kesan positif akan memuaskan MKP dalam proses pembelajaran dan membuatkan mereka untuk mengekalkan tingkah laku tersebut. Paparan skor yang tertinggi beserta nama pada podium pada akhir kuiz meningkatkan motivasi MKP untuk terus belajar secara rajin dan mewujudkan suasana persaingan yang sihat. Latihan dan kesan harus dipupuk lagi dalam kalangan MKP supaya mereka boleh meningkatkan keyakinan diri mereka dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Penguasaan dalam Bahasa Inggeris harus dicapai oleh MKP bagi memudahkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tertuari.

Rujukan

- Abdul Rahim Razalli, Renate Olga Thomas, Nordin Mamat, Noreha Yusuf. 2018. Using Text with Pictures in Primary School to Improve Reading Comprehension for Hearing Impaired Students. *Journal of ICSAR*, 2(1): 19-27
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. 2019. Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3): 23-30
- Al Zaylai. 2019. Using Technology for Deaf Students to Learn English as A Foreign Language in Saudi Arabia. *Journal of Educational and Psychological Science*, 3(21): 137-156
- Brinci, F.M., dan Saricoban, A. 2021. The Effectiveness of Visual Materials in Teaching Vocabulary to Deaf Students of EFL. *Journal Of Language and Linguistic Studies*, 17(1), 628-645
- Creswell, J.W., 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 3rd edition. Sage Publications.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches (Fourth Edi)*. California: SAGE Publications, Inc
- Erkkila, M. 2017. Learning English from digital games: Finnish upper secondary school students' perspective on game-enhanced language learning, 2017. Unpublished Master's Thesis, University of Jyvaskyla, Finland
- Fatimah, A.S., Santiana, S., Sulastri, F. 2021. Learner's experience on the use of mobile device for autonomous listening: A narrative inquiry. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(Special Issue 1), 193-204.

- Fauziati, E. 2016. Applied Linguistics: Principles of Foreign Language Teaching, Learning, and Researching. Surakarta: Era Pustaka Utama Gardner
- Halimah, Lustyantie, N., & Ibrahim, G. A. (2018). Students' Perception on The Implementation of Orai Application in CLL Method in Teaching Speaking. *JEELS*, 5(1).
- Harris, M., Terlektsi, E. and Kyle, F. E. (2017). Literacy Outcomes for Deaf and Hard of Hearing primary School Children: A Cohort Comparison Study. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research*, 60(3), pp. 701-711. DOI: 10.1044/2016_JSLHR-H-15-0403
- Hrastinski, I, Wilbur. R. B. 2016. Academic Achievement of Deaf and Hard-Hearing Students in an ASL/ English Bilingual Program. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 156-170
- Isai Amutan Krishnan, Geraldine De Mello, Shelen Aderina Kok, Saabdev Kumar Sabapathy, Saravanan Munian, Hee Sio Ching, Pushpa Kandasamy, Selvajothi Ramalingam, Shasthrika Baskaran & Vasudevan Naidu Kanan. 2020. Challenges Faced by Hearing Impairment Students During COVID-19, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5(8): 106-116
- Krejcie, R. V., & Morgan D. W. 1970. Determining Sample Sizes for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Mary, R.Q., & Cabrerros, MDC. 2020. English Language Proficiency Profile: A Case Study of The Communication Skills of Deaf Students in the Undergraduate program in Quezon, Philippines, *International Journal of Educational Management and Development Studies*, 1(1): 20-42
- Mohd Shakir Azfar Abdul Halim; Harwati Hashim; Melor Md Yunus (2020). Pupils' Motivation and Perceptions on ESL Lessons through Online Quiz-Games. *Journal of Education and e-Learning Research*, 7(3): 229-234
- Nuci. K.P., Tahir. R., Wang. A.I., Imran. A.S. 2021. Game-Based Digital Quiz as A Tool for Improving Students' Engagement and Learning in Online Lectures. *IEEE Open Journal*, 9: -91220-91234.
- Nur Hazwani Mohd Muhridza, Nur Afifah Mohd Rosli, Azura Sirri & Adlina Abdul Samad. 2018. Using game-based technolog, Kahoot! for classroom engagement. *LSP International Journal*, 5(2):37-48
- Oktaria, A.A, Laksmitta Rohmayadevi & Didik Murwantono. 2021. Online Game Kuiz "Kahoot" in Teaching English for Students of SMP Muhammadiyah Yogyakarta, *Professional Journal of English Education*, 4(2): 290-296
- Othman, J., Kadar, R., Umar, N., & Ahmad, N. (2020). Covid-19 Pandemic Effects in Teaching and Learning Methods during Movement Control Order (MCO). Volume 1, September 2020, 1.
- Rafidah Abd Karim, Nur Farhana Nasri, Zarinatun Ilyani Abdul Rahman, Nurul Nadwa Ahmad Zaidi & Rosli Abdul Rahman. 2018. The Implementation of Vocabulary Quiz-Quiz Trade Cards in The Teaching and Learning Vocabulary among Intermediate Level Primary School Students.
- Karmila Rafiqah M. Rafiq, Fetylyana Nor Pazilah., Tong, G. Y., Melor Md Yunus., & Harwati Hashim. (2020). Game on! development and evaluation of computer games for ESL classroom. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 9(2), 1976-1980
- Sapie Sabilan, Harzita Ismail, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni. 2017. Penilaian Aspek Konteks dan Input Berkaitan Tahap Pencapaian

- Kemahiran Bacaan Tilawah Al-Quran Berasaskan Penggunaan Kaedah Warna Terhadap Kelancaran Sebutan Bertajwid Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(2): 20-31
- Siti Aisyah Ibrahim. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran dan impak dalam Pendidikan Islam dan pembelajaran murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(1), 89–94.
- Susi Susanti. 2017. Fun activities in Teaching English by using Kahoot! 2nd International Seminar on Education 2017 Empowering Local Wisdom on Education for Global Issue. 453-458
- Tamilarus Rajendran, Nor Azam Naa'im & Melor Md Yunus. 2019. Motivation and Perception Towards Learning English Using Quizvaganza. *International Journal of Scientific and Research Publication*, 9(1): 220-227